

ISU	Anak mimpi bapa mati dilanggar kapal terbang
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	5 April 2019
Ruang	Tragedi
Muka Surat	23

# Anak mimpi bapa mati dilanggar kapal terbang

**Subang:** Anak ketiga Mohd Ruzaimi Iskandar Ahmad Razali, 39, kakitangan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) yang maut dirempuh pesawat swasta di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAS) di sini pada Mac lalu, pernah bermimpi bapanya meninggal dunia dilanggar kapal terbang.

Balu Allahyarham, Nor Azawiah Md Usuf, berkata anak lelaki tunggal mereka, Adam Miqael, 8, memberitahunya dan suami bahawa dia bermimpi Mohd Ruzaimi Iskandar dilanggar kapal terbang dua hari sebelum kemalangan itu.

"Apabila Adam beritahu

arwah, ayahnya hanya ketawa dan berseloroh dengan memberitahu itu petanda umurnya panjang. Justeru, apabila kemalangan itu benar-benar berlaku, Adam paling terkesan serta trauma kerana mimpinya jadi kenyataan, tambahan pula dia paling rapat dengan arwah," katanya.

**PERKESO serah bantuan** Beliau ditemui media ketika kunjungan wakil Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Selangor di rumahnya di Pangsapuri Opal, Subang Bestari semalam, berkata selepas beberapa hari suaminya meninggal, Adam bermimpi

lagi dan melihat arwah tersenyum padanya.

Katanya, kehilangan Mohd Ruzaimi Iskandar masih seperti mimpi dan menga-kui emosinya belum stabil.

"Selain Adam, anak kedua kami, Nur Marsya Irdina, 11, juga trauma dan demam," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah PERKESO Selangor, Mohammad Ramli Ahmad Dahalan menyerahkan bantuan Faedah Pengurusan Mayat berjumlah RM2,000 kepada Nor Zawiah ketika hadir ke rumah keluarga berkenaan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Damansara, Shatiri Mansor.

ISU	Anak kongsi mimpi
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	5 April 2019
Ruang	Setempat
Muka Surat	40

# Anak kongsi **mimpi**

■ **Balu juruteknik maut di landasan LTSAS dapat bantuan Perkeso**

Faiq Lajim  
am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

**“D**ua hari sebelum tragedi itu, Adam Miqhael (anak) bermimpi bapanya akan dilanggar kapal terbang dan sempat memberitahu arwah mengenainya.

“Namun, saya tidak sangka ia rupa-rupanya bertukar menjadi kenyataan,” kata Nor Azawiah Md Usuf, 38, isteri kepada juruteknik Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) yang maut dalam insiden di landasan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAS), Subang, 18 Mac lalu.

Dalam kejadian jam 3.20 itu, kereta unit kejuruteraan MAHB dipandu mangsa, Mohd Ruzaimi Iskandar Ahmad Razali, 39, dirempuh sebuah pesawat persendirian



**MOHAMMAD Ramli (kiri) bersama Shatiri (tengah) menyampaikan cek kepada Nor Azawiah.**

an sebelum meninggal dunia keesokan harinya.

Nor Azawiah berkata, Adam Miqhael yang juga anak ketiganya itu turut memaklumkan kepadanya mengenai mimpi berkenaan.

“Namun, saya dan arwah suami memberitahu kepadanya bahawa apa yang dimimpikan biasanya tidak akan berlaku.

“Selepas tragedi itu, Adam Miqhael yang memang rapat dengan bapanya terus demam dan fobia, Na-

mun selepas selesai urusan pengebumian, dia memberitahu turut bermimpi arwah hadir dalam keadaan tersenyum.

“Kini, dia bagaimanapun masih tidak boleh membuat sesuatu seperti bermain gasing kerana akan cakap ‘kalau ada ayah, mesti boleh’,” katanya ketika ditemui pada majlis Penyampaian Bantuan Faedah Pengurusan Mayat dan Faedah Orang Tanggungan di sini, semalam.

Bantuan itu diserahkan

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Damansara Shatiri Mansor sambil disaksikan Timbalan Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Selangor, Mohammad Ramli Ahmad Dahalan.

Pada majlis itu, ibu kepada empat anak berkenaan menerima bantuan faedah pengurusan jenazah berjumlah RM2,000 selain bantuan faedah orang tanggungan sebanyak RM2,955 setiap bulan.